

27 JUN 1996

Mahathir-Pindaan

CADANGAN PINDA UNDANG-UNDANG DATANG DARI SABAH SENDIRI

KOTA KINABALU, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan untuk meminda lima undang-undang negeri Sabah bertujuan mengurangkan kuasa Ketua Menteri, datang daripada pemimpin negeri ini sendiri.

Katanya, Datuk Salleh Said Keruak, yang menjadi Ketua Menteri ketika itu telah mengemukakan cadangan berkenaan kepada beliau kerana mendapati kuasa itu agak terlalu luas.

"Setelah mengkaji kuasa yang ada pada Ketua Menteri, maka kitapun bersetuju agar pindaan dibuat supaya sebahagian kuasa itu dapat dipindahkan kepada kabinet," katanya ketika ditemui pemberita semasa singgah sebentar di sini dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur setelah bercuti kira-kira tiga minggu di luar negara.

Ketibaan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu disambut beberapa anggota kabinet dan pembantu menteri diketuai Timbalan Ketua Menteri, Datuk Ghapur Salleh.

Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 17 dan 18 Jun lepas meluluskan pindaan kepada lima undang-undang -- Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah (Bab 68), Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Semasa membahaskan rang undang-undang itu parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS) telah mendakwa cadangan itu mempunyai muslihat tertentu kerana ia datang dari Kuala Lumpur.

Cadangan untuk meminda undang-undang itu pertama kali diumumkan Dr Mahathir pada Februari lepas, sebelum membuat keputusan berhubung cadangan menggilirkan jawatan Ketua Menteri.

Kabinet negeri kemudian memutuskan untuk mengadakan persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 April untuk meluluskan rang undang-undang itu.

Bagaimanapun persidangan itu terpaksa ditangguhkan ke 17 dan 18 Jun apabila kebanyakan anggota Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN) meminta sedikit waktu lagi untuk mengkaji cadangan itu.

Dr Mahathir kemudian mengumumkan bahawa penggiliran jawatan Ketua Menteri boleh diteruskan tanpa menunggu pindaan itu diluluskan lalu menamakan Timbalan Ketua Menteri ketika itu, Datuk Yong Teck Lee, untuk menggantikan Salleh.

Yong, yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) mengangkat sumpah jawatan pada 25 Mei lepas dan membentangkan rang undang-undang itu dalam persidangan Dewan Undangan Negeri itu.

Dr Mahathir, berkata sebenarnya kuasa yang ada pada Ketua Menteri Sabah tidak banyak berbeza dengan kuasa Menteri Besar dan Ketua Menteri lain. Cuma di negeri lain, Menteri Besar atau Ketua Menteri membuat keputusan setelah merujuk kepada Exco atau Kabinet negeri masing-masing.

"Di Sabah kuasa Ketua Menteri lebih kuat, yang kadang-kadang kita dapati keputusan yang dibuatnya agak tidak begitu bijak. Sebab itu kita terima cadangan yang dibuat Datuk Salleh," katanya.

Katanya, cadangan itu adalah untuk kebaikan Sabah dan harus disokong oleh seluruh rakyat negeri ini jika mereka betul-betul hendakkan satu pentadbiran yang baik dan bertanggungjawab.

Beliau berkata pembangkang mungkin hendak kekalkan cara lama apabila Ketua Menteri sebelum ini membuat keputusan sendiri kononnya setelah

menghubungi dan mendapat nasihat daripada pegawai kerajaan.

Beliau bersetuju bahawa pindaan itu ada hubung-kaitnya dengan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah kerana sekalipun penggiliran itu diteruskan, tidak bermakna bahawa seorang yang menjadi Ketua Menteri boleh mengetepikan pandangan rakannya daripada parti lain.

"Dalam sistem penggiliran ini, kita hendak supaya ada rundingan antara parti-parti yang berada dalam BN," katanya.

Dr Mahathir berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah akan menjadikan kerajaan negeri lebih stabil kerana semua pihak berasa mereka boleh mengambil bahagian dalam kerajaan.

"Kita tidak boleh anggap kalau kita tidak menjadi Ketua Menteri, kita tidak berkuasa langsung. Sebaliknya dengan sistem rundingan ini semua yang ada dalam kerajaan boleh mengambil bahagian dalam pentadbiran Sabah," katanya.

Mengenai kedudukan Salleh, Perdana Menteri berkata ia akan ditentukan kemudian. Katanya sesiapa yang tidak menjadi Ketua Menteri lagi akan terus memainkan peranan dalam kerajaan. -- BERNAMA

OPP NMO